

Hubungan LPN-petani bertambah baik: PM

BH 21 SEP 1990

JITRA, Khamis — Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~, bangga kerana Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sekarang tidak lagi menerima banyak rungutan di kalangan petani berbanding pada awal penubuhannya.

Menurutnya, hubungan LPN dan petani juga bertambah baik hasil kesedaran dan sikap bertimbang rasa kedua-dua pihak.

"Petani kini menerima LPN dengan baik dan saya yakin hubungan ini akan bertambah erat pada masa akan datang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perhimpunan 'Pesawah-LPN Turun ke Bendang' di Megat Dewa dekat sini, hari ini.

Mengenai penwastan kilang LPN, beliau berkata, kerajaan memang berhasrat untuk menswastakannya kerana tidak mahu terbabat dalam bidang perniagaan.

Perdana Menteri berkata, adalah lebih mudah bagi kera-

jaan memungut cukai hasil keuntungan syarikat yang diswastakan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri memuji Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid, kerana menyumbangkan pelbagai idea untuk memajukan petani dan rakyat, seperti mengadakan pertandingan ratu cantik binatang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus mencari jalan bagi mengubah nasib petani selaras dengan tanggungjawabnya untuk membantu rakyat.

Perdana Menteri bagaimanapun kesal kerana sesetengah golongan, termasuk yang sudah dibebaskan dari penjara, tidak pernah mahu mengenang budi kerajaan.

"Sebaliknya golongan itu memaki kerajaan dan menjelajah ke seluruh negara untuk mengajak rakyat supaya jangan bersyukur," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir ba-

gaimanapun yakin rakyat tidak mudah terpengaruh dengan hasutan golongan itu yang menggunakan ayat al-Quran untuk kepentingan diri sendiri.

Mengenai Pas, Perdana Menteri berkata, pemimpin parti itu sekarang sudah jauh menyimpang daripada prinsip perjuangan parti sehingga sanggup menjual kerusinya kepada Semangat 46 dan DAP bagi membolehkan gabungan pembangkang bertanding satu lawan satu dengan Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum akan datang.

"Tindakan Pas menyerahkan kawasan yang dulu ditanjinginya, menunjukkan Pas sudah menyerahkan kuasa kepada DAP dan Semangat 46.

"Ini kerana pemimpin Pas sekarang mengutamakan untuk mendapatkan kemenangan dalam pilihanraya dan jika mereka terpaksa bekerjasama dengan syaitan pun, mereka berbuat demikian," katanya.